



PETIKAN TITAH



Keutamaan kita tetap tertumpu kepada merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035 dengan merancakkan pertumbuhan ekonomi, dan seterusnya memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk terus terpelihara.

Beta beranggapan bahawa rakyat dan penduduk di negara ini sudah semakin matang dalam melalui situasi dan keadaan yang kadang-kadang tidak menentu.

Namun berkat perpaduan dan kerjasama yang kukuh di antara rakyat dan penduduk, maka semua keadaan yang mencabar dapat di atasi dengan baik.

Bercakap mengenai keadaan mencabar, **golongan belia adalah tonggak yang sangat diharapkan**. Ke atas bahu mereka turut dibebankan tanggungjawab mencorakkan masa depan negara. Mereka terus diberi peluang untuk menjadi penggerak dan pemacu perubahan. Itulah peranan dan tanggungjawab golongan belia.

Ini selaras dengan usaha memantapkan pembangunan modal insan menerusi sistem pendidikan dan latihan yang inovatif, mengukuhkan kemahiran dan kebolehpasaran anak-anak tempatan termasuk belia, sejajar dengan keperluan industri, ekonomi dan badan profesional.

Keutamaan juga terus diberikan kepada pembangunan keusahawanan tempatan. Pelbagai program dan inisiatif telah diperkenalkan untuk memperkuatkannya lagi keupayaan perniagaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan.

Ke arah mewujudkan eko-sistem perniagaan yang kondusif, khasnya dalam konteks Negara Pintar atau *Smart Nation*, maka usaha ke arah pembangunan sebuah hab pembayaran digital yang telah diterajui oleh *National Digital Payments Network Sendirian Berhad*, insya Allah dijangka akan mula dilancarkan dalam masa terdekat.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Sempena Hari Keputeraan Baginda yang Ke-78 Tahun 1446H / 2024M

SIDANG EDITORIAL CANANG

Penasihat:

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Pengerusi:

Yang Mulia Awang Haji Abu Asiruddin bin Haji Zaini
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

Pengarang/Sumber Berita:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting

Yang Mulia Dayang Dr. Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pruf dan Penyemakan:

Yang Mulia Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Fotografi:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:

Jabatan Penerangan

MAJLIS MEMBACA SURAH YASIN DAN TAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 Zulhijjah 1445 / 1 Julai 2024 - Majlis Membaca Surah Yasin dan Tahlil khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Bulan Bahasa 2024, ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya, ketua-ketua persatuan, pegawai-pegawai kanan, para penulis serta para pencinta bahasa dan sastera.

Majlis ini merupakan penanda dan pemula acara bagi Sambutan Bulan Bahasa 2024 dan kegiatan sempena Bulan Bahasa yang dirancang sepanjang tahun (Julai 2024 hingga Jun 2025).

Sambungan Muka Surat 3



PAMERAN TEKSTIL SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HUBUNGAN DIPLOMATIC ANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN REPUBLIK RAKYAT BANGLADESH KE-40



PAMERAN TEKSTIL SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HUBUNGAN DIPLOMATIC ANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN REPUBLIK RAKYAT BANGLADESH KE-40

Selasa, 2 Julai 2024 di Muzium Teknologi Brunei

www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/kementeriankebudayaanbeliasuskan)



کمپنی کے دلیل بلاد میں
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGERI BRUNEI DARUSSALAM

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Zulhijjah 1445 / 2 Julai 2024 - Suruhanjaya Tinggi Bangladesh di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah melancarkan Pameran Tekstil bersempena meraikan Sambutan Ulang Tahun Hubungan Diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh Ke-40 yang berlangsung di Muzium Teknologi Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pameran berkenaan ialah Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukunan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/kementeriankebudayaanbeliasuskan)



کمپنی کے دلیل بلاد میں
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGERI BRUNEI DARUSSALAM

Sambungan Muka Surat 5



MAJLIS SAMBUTAN BULAN BAHASA 2024



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Zulhijjah 1445 / 4 Julai 2024 - Majlis Sambutan Bulan Bahasa 2024 yang diungkayahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berlangsung di Ruang Legar, Kompleks Membeli-belah The Mall, Gadong. Tema bagi Sambutan Bulan Bahasa 2024 ialah "Memperkasakan Bahasa Melayu".

Hadir selaku Tetamu Kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Bulan Bahasa 2024, ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya, penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award), mantan Pengarah dan Timbalan Pengarah DBP, Duta-duta Bahasa, ketua-ketua persatuan, rakan-rakan strategik, pegawai-pegawai kanan, para penulis serta pencinta bahasa dan sastera.

Tetamu Kehormat majlis seterusnya melancarkan Sambutan Bulan Bahasa 2024 serta buku terbaharu terbitan DBP sebanyak tiga buah, iaitu Dinamika Bahasa Melayu Jilid 3, Buku Mini Istilah Kitani dan Kamus Istilah Pemakanan.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PUAN YANG TERUTAMA HOU YANQI, DUTA BESAR REPUBLIK CHINA KE ASEAN



KUNJUNGAN HORMAT
Rabu, 10 Julai 2024 di Bilik Kunjungan, Bangunan KKBS
www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Muharam 1446 / 10 Julai 2024 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Puan Yang Terutama Hou Yanqi, Duta Besar Republik Rakyat China ke ASEAN.



Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), dan Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid, Pengarah Penyelidikan dan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi keperihatinan dan kepentingan bersama.

MULTAQA MELAYU ISLAM BERAJA BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA




BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Muharam

1446 / 10 Julai 2024 – Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja telah mengadakan Multaqa Melayu Islam Beraja bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program ini adalah bertujuan bagi mengukuhkan dan mengembangkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Melayu Islam Beraja (MIB) dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan selaras dengan Misi Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

Multaqa Melayu Islam Beraja ini diisikan dengan ceramah yang sampaikan oleh Yang Mulia Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong bertajuk Sejarah Negara Melayu Islam Beraja, dan Yang Mulia Dr. Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos bertajuk Melayu Islam Beraja dalam Perkhidmatan Awam.



MAJLIS SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1446

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Muharam 1446 / 11 Julai 2024 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1446 di Dewan Digadong Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Ilal Hijrah, Ilal Jannah' yang telah disampaikan oleh Yang Mulia Ustazah Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd.Yusoff, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.



**PENGURNIAAN BINTANG KEBESARAN
DARJAH PADUKA MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA DARJAH KETIGA
(SMB)**



شكور الحمد لله

Segala puji kehadrat Allah subhanahu wa taala dan selawat serta salam ke atas junjungan besar kita,
Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam

Setinggi-tinggi tahniah



Yang Mulia Mejah (B) Haji Mohammad bin Dollah
Pemangku Pengarah Khidmat Bakti Negara
Bahagian Khidmat Bakti Negara
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Atas pengurniaan Bintang Kebesaran
Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (SMB)

Ikhlas daripada
Seluruh warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Muharam 1446 / 15 Julai 2024 - Setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Mulia Mejah (B) Haji Mohammad bin Dollah, Pemangku Pengarah Khidmat Bakti Negara, Bahagian Khidmat Bakti Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atas Pengurniaan Bintang Kebesaran Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (SMB) semasa Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Bagi Tahun 2024.

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN OLIMPIK KE-33, PARIS, PERANCIS 2024



MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN OLIMPIK KE-33, PARIS, PERANCIS 2024



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Muharam 1446 / 20 Julai 2024 – Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Olimpik Ke-33, Paris, Perancis 2024 telah berlangsung di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah


Berangkat bagi menyempurnakan majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam dianggotai seramai 8 orang terdiri daripada 3 orang atlet dan 5 orang pegawai termasuk Chef de Mission, Pegawai Perhubungan, Ketua Urus Setia dan Jurulatih.

LAWATAN KERJA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KE BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Muharam 1446 / 20 Julai 2024 – Lawatan kerja Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Jabatan Perdana Menteri.

Rombongan lawatan diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir menyertai lawatan ialah pengarah-pengarah, ketua-ketua bahagian, pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



KEJOHANAN TARIK KALAT KEPUTERAAN PERINGKAT KEMENTERIAN DAN KEDUTAAN ASING SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KDYMM PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE 78, TAHUN 2024



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Muharam 1446 / 20 Julai 2024 – Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan telah ikut serta dalam Kejohanan Tarik Kalat Keputeraan Peringkat Kementerian dan Kedutaan Asing sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam ke 78, Tahun 2024 berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan.

Seramai 15 orang Wakil Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terdiri daripada dua (2) pelatih dan 13 orang peserta dalam Kumpulan A dengan berat terkumpul tidak melebihi 560 kilogram (kg).

PERJUMPAAN BERSAMA PESERTA PROGRAM PEMBANGUNAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Muharam 1446 / 20 Julai 2024 – Perjumpaan bersama peserta Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Ke-35 yang diselajurkan dengan penyerahan poster bagi projek kesedaran mengenai penggunaan tempat letak kereta khas bagi Orang Kelainan Upaya (OKU).

Penyerahan poster disempurnakan oleh Yang Mulia Hajah Nur Fariza Munyati Haji Abd Aji yang berlangsung di Bilik Kunjungan Tingkat 7, Bangunan KKBS.

Hadir bagi menerima poster-poster berkenaan ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan.


Poster-poster berkenaan akan terus diberigakan melalui kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai letak kereta khas bagi OKU.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN PROGRAM JATI DIRI KOHORT VI




Temburong, Ahad, 15 Muharam 1446 / 21 Julai 2024— Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN] dengan kolaborasi bersama Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM), Jabatan Perdana Menteri dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran khusus bagi para Pelatih Program Jati Diri Kohort 6 bagi sesi tahun 1446H / 2024M yang dilangsungkan di Dewan Kuliah, Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Kampong Batu Apoi, Daerah Temburong.

Hadir sebagai Tetamu Kehormat Majlis adalah Yang Mulia Awang Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Sambungan Muka Surat 16



TAKLIMAT KEWANGAN BAGI PARA PEGAWAI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Muharam 1446 / 22 Julai 2024 – Taklimat Kewangan bagi para pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

Taklimat disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Sebelum sesi taklimat bermula, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka .

Turut hadir memberikan taklimat ialah Yang Mulia Awang Amirul Shukri bin Haji Hafneh, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Yang Mulia Dayang Norhasimah binti Haji Abdullah, Pegawai Kewangan dan Yang Mulia Dayang Nur Ezzati binti Sisa, Penolong Pegawai Kewangan Tingkat II.



UPACARA SELAMAT BELAYAR KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



UPACARA SELAMAT BELAYAR KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN OLIMPIK KE-33, PARIS, PERANCIS 2024

Selasa, 23 Julai 2024 di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei

www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

BERAKAS, Selasa, 17 Muharam

1446 / 23 Julai 2024 - Seramai 7 orang ahli Kontinjen Negara Brunei Darussalam terdiri daripada Chef de Mission, Pegawai Perhubungan, 2 orang Jurulatih, 2 orang atlet sukan renang dan seorang atlet sukan olahraga telah berlepas ke Paris, Perancis bagi menyertai kejohanan Sukan Olimpik Ke-33, yang akan berlangsung pada 26 Julai hingga 11 Ogos 2024.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan nasihat serta kata-kata semangat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



MAJLIS PENUTUP PROGRAM JATI DIRI (PJD) BAGI PELAJAR ISKILL KOHORT 6



MAJLIS PENUTUP PROGRAM JATI DIRI KOHORT 6
Rabu, 24 Julai 2024 di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Temburong

www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei/](https://www.instagram.com/kkbs_brunei/) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/Kementerian-Kebudayaan-Belia-dan-Sukan)

BATU APOI, TEMBURONG, Rabu, 18 Muharam 1446 / 24 Julai 2024 - Seramai 73 orang pelatih yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti program-program iSkills dan Industrial Skills Qualification (ISQ) di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah berjaya menamatkan Program Jati Diri (PJD) bagi pelajar iSkill Kohort 6 selama 90 hari dan diraikan pada majlis penutup di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Program Jati Diri yang diungkayahkan dengan kerjasama padu antara Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM), Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) ini bertujuan untuk menyemai nilai-nilai keperibadian dan jati diri yang teguh dalam kalangan para pelajar.



Sambungan Muka Surat 20



MAJLIS PEMBUKAAN RASMI SUKAN OLIMPIK KE-33, PARIS, PERANCIS



PARIS, PERANCIS, Jumaat, 20 Muharam 1446 / 26 Julai 2024 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Olimpik Paris ke-33, yang diadakan di sepanjang Sungai Seine di Paris, Perancis. Sukan Olimpik ke-33 ini disertai oleh lebih 10,000 orang atlet dari 206 buah negara. Kemuncak acara itu menyaksikan negara-negara, termasuk Brunei Darussalam membuat perarakan di sungai ibu kota Perancis.

Kontingen Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Pengarah Belia dan Sukan, Yang Mulia Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku Chef de Mission terdiri daripada 8 orang ahli. Ini termasuk 2 pegawai urusetia, 2 jurulatih, 2 atlet renang akuatik, dan 1 atlet dalam olahraga.





كمترین كموديلان بليان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

سَلَامُ الْهِجْرَةِ

SALAM ILAL HIJRAH 1446H

تيماء، مليهارا عقل، مشاركت سجهتها



www.kkbs.gov.bn



kkbs_brunei



Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

E-POSTER SEMPENA MENYAMBUT ILAL HIJRAH 1446H





**E-POSTER SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KDYMM PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



Dikeluarkan oleh:

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan